A

Azmi bin Nordin lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — KES RAYUAN JENAYAH NO TA-42(R)(A)-2–06 TAHUN 2018
ABDUL WAHAB H
9 DISEMBER 2019

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu didakwa dengan tiga pertuduhan di bawah s 165 Kanun Keseksaan — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman penjara dan denda — Sama ada perayu memperoleh barangan berharga — Sama ada wang yang dimasukkan ke dalam akaun adalah wang milik perayu — Sama ada wang-wang diperolehi*
D *oleh perayu adalah tanpa balasan — Sama ada anggapan di bawah s 50(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 terpakai — Kanun Keseksaan s 165*

Perayu merayu terhadap keputusan mahkamah sesyen yang telah mensabitkan perayu dengan tiga pertuduhan bawah s 165 Kanun Keseksaan. Satu aduan
E kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM') telah dibuat oleh seorang pegawai SPRM yang menyatakan bahawa perayu sebagai Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu ('JPNT') telah meminta dan menerima wang rasuah sebanyak RM60,000 daripada penama Yew Keong Fah ('SP10') sebagai balasan untuk mempermudahkan dan meluluskan lesen
F mengambil hasil hutan. Hasil siasatan yang dijalankan oleh pegawai penyiasat SPRM mendapati perayu telah mengarahkan SP10 untuk memasukkan wang sebanyak RM60,000 dalam dua akaun bank melalui tiga kali kemasukan iaitu: (a) pada 3 Mac 2013 sebanyak RM30,000 ke dalam akaun milik SP13; (b) pada 16 Jun 2013 sebanyak RM20,000 ke dalam akaun milik syarikat
G SP12; dan (c) pada 13 Ogos 2013 sebanyak RM10,000 ke dalam akaun yang sama milik syarikat tersebut. Semasa kemasukan wang tersebut berlaku, perayu pada masa itu merupakan seorang penjawat awam memegang jawatan sebagai Pengarah JPNT manakala SP10 adalah pemilik tunggal kepada Sykt Karyan Khas Enterprise yang telah dilantik sebagai kontraktor pembalakan oleh
H syarikat yang telah diberi lesen mengambil hasil hutan iaitu Sykt Ciri Bina Machinery & Hardware Sdn Bhd ('CBMHSB'). Dalam pembelaannya, perayu menyatakan bahawa perayu dan SP10 adalah berkawan baik dan beliau tidak pernah memberi lesen pembalakan kepada SP10. Perayu menyatakan bahawa wang RM60,000 yang diminta daripada SP10 untuk dimasukkan ke
I dalam dua akaun tersebut adalah wang miliknya sendiri yang dipegang dan disimpan oleh SP10. Ini kerana perayu pernah menyerahkan wang kepada SP10 sebanyak RM65,000 untuk dipegang dan disimpan oleh SP10 dan pada bulan Mac 2013, Jun 2013 dan Ogos 2013, perayu telah meminta SP10 memasukkan wang milik perayu yang disimpan oleh SP10 ke dalam

akaun-akaun tersebut. Perayu mendapati bahawa pelesen CBMHSB telah melakukan kesalahan membalak di luar kawasan dan telah mengkompaun pelesen tersebut dengan kompaun berjumlah RM1,063,781.32. Setelah kejadian kompaun tersebut, SP10 banyak membuat fitnah terhadap perayu termasuklah mengatakan perayu meminta wang rasuah padahal wang yang diserahkan oleh SP10 kepada SP12 dan SP13 adalah wang milik perayu. Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan dan denda RM10,000 jika tidak bayar enam bulan penjara bagi setiap pertuduhan dan hukuman penjara bagi ketiga-tiga pertuduhan berjalan serentak. Oleh itu, rayuan ini. Isu-isu untuk pertimbangan, antara lain, adalah: (i) sama ada hakim mahkamah sesyen ('HMS') terkhilaf apabila mengatakan perayu telah memperoleh suatu barangan berharga sedangkan tidak ada seorang saksi pendakwaan pun yang memberi keterangan menyatakan ada menyerahkan wang kepada perayu; (ii) sama ada wang yang dimasukkan oleh SP10 ke dalam akaun syarikat SP12 dan akaun peribadi SP13 itu adalah wang milik perayu; (iii) sama ada HMS terkhilaf apabila memutuskan wang-wang tersebut diperolehi oleh perayu adalah tanpa balasan; dan (iv) sama ada anggapan di bawah s 50(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 ('Akta SPRM 2009') terpakai.

Diputuskan, membenarkan rayuan, mengetepikan sabitan dan hukuman serta melepaskan dan membebaskan perayu:

(1) Terdapat kesilapan pada pertuduhan berkenaan pemerolehan wang tersebut yang dinyatakan telah diperolehi oleh perayu untuk dirinya sahaja, sedangkan keterangan yang dikemukakan menunjukkan wang itu telah diperolehi oleh orang lain dan orang lain yang menikmati faedah daripada kemasukan wang tersebut. Kesilapan atau ketinggalan pada elemen dalam pertuduhan tidak tergolong dalam pengecualian bagi maksud s 156 Kanun Tatacara Jenayah kerana kesilapan pada elemen boleh menyebabkan tertuduh terkeliru dan semestinya boleh menyebabkan berlakunya kegagalan keadilan. Kesilapan dilihat berlaku pada elemen kedua pertuduhan dan perayu telah terkeliru dengan elemen sebenar pertuduhan yang dikenakan ke atasnya. Rayuan perayu terhadap isu ini mempunyai merit dan harus diberi pertimbangan sewajarnya (lihat perenggan 28 & 30–31).

(2) Keterangan SP10 perlu dinilai secara berhati-hati kerana terdapat kemungkinan SP10 mempunyai niat 'mala fide' terhadap perayu kerana SP10 mempunyai motif untuk menganiaya perayu atas tindakan perayu yang telah mengeluarkan kompaun dengan nilai yang tinggi terhadapnya dan Sykt CBMHSB. SP10 bukanlah seorang saksi yang kredibel memandangkan keterangannya yang meragukan dan wujud motif yang jelas ditimbulkan sejak di awal kes pendakwaan lagi oleh pihak pembelaan iaitu SP10 tidak berpuas hati apabila dikenakan kompaun yang berjumlah RM1,063,781.32. Terdapat kemungkinan yang besar

wang yang telah dimasukkan itu adalah sememangnya wang milik perayu dan bukanlah wang rasuah sebagaimana diceritakan oleh SP10 mengambil kira keseluruhan kronologi kejadian kes dan kredibiliti SP10 yang dilihat cenderung untuk memberikan keterangan secara berbolak balik dan tidak benar itu. Sewajarnya keterangan SP10 dinilai semula oleh mahkamah dan seterusnya ditolak memandangkan wujudnya keraguan dalam keterangannya serta wujud motif yang kuat untuk SP10 menganiaya perayu akibat tidak berpuas hati terhadap perayu. Tambahan pula, terdapat beberapa percanggahan dan kenyataan yang tidak benar atau tidak munasabah dilihat telah diberikan dalam keterangan SP10. Justeru itu, terdapat merit dalam isu kedua dan ketiga sekaligus menunjukkan elemen ketiga bagi pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu telah gagal dibuktikan (lihat perenggan 39–41).

(3) Terlalu banyak kelompangan yang terdapat dalam kes ini melibatkan elemen keempat yang mana pertuduhan menyatakan tiada balasan manakala keterangan SP10 dan keterangan dokumentasi P46 pula dengan jelas menunjukkan kononnnya ada balasan terhadap kemasukan wang tersebut namun balasan yang cuba ditunjukkan oleh saksi-saksi tidak munasabah dan meragukan. Dalam masa yang sama perayu juga tidak memperoleh wang tersebut untuk dirinya dan hanya SP12 serta SP13 yang menerima dan mendapat faedah daripada wang tersebut. Malah, kredibiliti SP10 juga dilihat meragukan yang memberi kemungkinan bahawa dia bercakap tidak benar dengan mengatakan wang yang dimasukkan itu adalah wang rasuah sedangkan wang tersebut adalah wang milik perayu sebagaimana ditegaskan oleh perayu. Maka, elemen keempat ini juga gagal dibuktikan (lihat perenggan 48–49).

(4) Tiada keperluan lagi untuk menyentuh berkenaan pemakaian anggapan di bawah s 50(3) Akta SPRM 2009 memandangkan ianya tidak lagi relevan apabila elemen-elemen penting dalam pertuduhan di bawah s 165 Kanun Keseksaan telah tidak dapat dibuktikan dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, anggapan tersebut tidak terpakai dalam kes ini (lihat perenggan 51).

[English summary

The appellant appealed against the decision of the sessions court which had convicted the appellant with three charges under s 165 of the Penal Code. A complaint to the Malaysian Anti-Corruption Commission ('MACC') was lodged by a MACC officer stating that the appellant as the Director of the Terengganu State Forestry Department ('JPNT') had solicited and received bribes of RM60,000 from the person named Yew Keong Fah ('SP10') in return for facilitating and approving a license to take forest produce. The results of the investigation conducted by the MACC investigating officer found that the appellant had ordered SP10 to deposit RM60,000 in two bank accounts through three entries, namely: (a) on 3 March 2013 of RM30,000 into SP13's

account; (b) on 16 June 2013 of RM20,000 into the account belonging to SP12 company; and (c) on 13 August 2013 of RM10,000 into the same account belonging to the company. At the time of the deposit of money, the appellant was a civil servant holding the position of Director of JPNT while SP10 was the sole owner of Karyan Khas Enterprise which had been appointed as a logging contractor by a company that had been licensed to take forest products, namely Sykt Ciri Bina Machinery & Hardware Sdn Bhd ('CBMHSB'). In his defence, the appellant stated that the appellant and SP10 were good friends and he had never given a logging license to SP10. The appellant stated that the RM60,000 requested from SP10 to be deposited in the two accounts was his own money held and kept by SP10. This was because the appellant had handed over money to SP10 of RM65,000 to be held and kept by SP10 and in March 2013, June 2013 and August 2013, the appellant had asked SP10 to deposit money belonging to the appellant kept by SP10 into the accounts. The appellant found that the CBMHSB licensee had committed a logging offence outside the area and had compounded the licensee with a compound amounting to RM1,063,781.32. After the compound incident, SP10 slandered the appellant a lot, including saying that the appellant asked for bribes even though the money handed over by SP10 to SP12 and SP13 was money belonging to the appellant. The appellant was convicted and sentenced to 12 months imprisonment and a fine of RM10,000 if default six months imprisonment for each charge and the imprisonment sentence for all three charges to run concurrently. Hence, this appeal. The issues for consideration, among others, were: (i) whether the sessions court judge ('HMS') erred in saying that the appellant had obtained a valuable thing when no prosecution witness testified stating that he handed over money to the appellant; (ii) whether the money deposited by SP10 into SP12's company account and SP13's personal account was money belonging to the appellant; (iii) whether HMS erred in deciding that the moneys obtained by the appellant were without consideration; and (iv) whether the presumption under s 50(3) of the Anti-Corruption Commission Act 2009 ('the MACC Act 2009') applied.

Held, allowing the appeal, setting aside the conviction and sentence and acquitting and discharging the appellant:

(1) There was an error on the charge in respect of the acquisition of the money which was stated to have been obtained by the appellant for himself only, whereas the evidence submitted showed that the money was obtained by another person and the other person enjoyed the benefit of the deposit of the money. Errors or omissions in elements in the charge did not fall within the exemption for the purposes of s 156 of the Criminal Procedure Code as errors in elements could cause the accused to be confused and could inevitably lead to failure of justice. Errors were seen to occur on the second element of the charge and the appellant was confused with the actual element of the charge imposed on him. The

appellant's appeal against this issue had merit and should be given due consideration (see paras 28 & 30–31).

(2) The evidence of SP10 needed to be carefully assessed as there was a possibility that SP10 had 'mala fide' intent against the appellant as SP10 had motive to persecute the appellant for the action of the appellant who had issued a compound of high value against him and the CBMHSB company. SP10 was not a credible witness as his evidence was dubious and there was a clear motive raised since the beginning of the prosecution case by the defence that SP10 was not satisfied when he was charged a compound amounting to RM1,063,781.32. There was a strong possibility that the money that was deposited was indeed the appellant's money and not bribe money as narrated by SP10 taking into account the entire chronology of the case and the credibility of SP10 which was seen to tend to give evidence back and forth and untrue. Accordingly, SP10's evidence was to be re-evaluated by the court and subsequently rejected as there were doubts in his evidence as well as there was a strong motive for SP10 to persecute the appellant due to dissatisfaction with the appellant. Furthermore, there were some discrepancies and untrue or unreasonable statements were seen to have been given in the evidence of SP10. Thus, there was merit in the second and third issues as well as showing that the third element of the charges against the appellant had failed to be proved (see paras 39–41).

(3) There were too many loopholes in this case involving the fourth element where the charge stated lack of consideration while the evidence of SP10 and the evidence of documentation P46 clearly showed that there was consideration to the deposit of the money but the consideration tried to be shown by the witnesses was unreasonable and doubtful. At the same time the appellant also did not obtain the money for himself and only SP12 and SP13 received and benefited from the money. In fact, the credibility of SP10 was also seen as dubious which gave the possibility that he was speaking untruthfully by saying that the money deposited was bribe money whereas the money belonged to the appellant as asserted by the appellant. Thus, this fourth element also failed to be proved (see paras 48–49).

(4) There was no further need to touch on the application of presumption under s 50(3) of the MACC Act 2009 as it was no longer relevant when the essential elements of the charge under s 165 of the Penal Code had not been fully proved. Therefore, the presumption did not apply in this case (see para 51).]

Kes-kes yang dirujuk

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP and another appeal [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737, MP (diikut)

Fauzan Rambli lwn PP [2014] 1 LNS 1372, MR (dirujuk)
Mohd Khir bin Toyo v PP [2015] 5 MLJ 429; [2015] 8 CLJ 769, MP (dirujuk)
PP v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor [2008] 4 MLJ 556; [2008] 4 CLJ 859, MR (dirujuk)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MP (dirujuk)
P'ng Hun Sun v Dato' Yip Yee Foo [2013] 6 MLJ 523; [2013] 1 LNS 320, MR (dirujuk)
Ravindran a/l Ramasamy v PP [2015] 6 MLJ 509; [2015] 3 CLJ 421, MP (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 s 50(3)
Kanun Keseksaan s 165
Kanun Tatacara Jenayah ss 156, 422

Mohd Shahrullah Khan Nawab Zadah Khan (Muhamad Al Hirzan dan Izwan Ariff bersamanya) (Nurul Hafidzah & Assoc) bagi pihak perayu.
Farah Yasmin Salleh (Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak responden.

Abdul Wahab H:

LATAR BELAKANG

[1] Azmi bin Nordin yang merupakan perayu ('perayu') telah membuat rayuan ke atas keputusan Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu yang telah mensabitkan perayu dengan tiga pertuduhan sebagaimana berikut:

(a) pertuduhan pertama di bawah s 165 Kanun Keseksaan dan dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan mulai tarikh sabitan (20 Jun 2018) dan denda RM10,000 jika tidak bayar enam bulan penjara;

(b) pertuduhan kedua (pindaan) di bawah s 165 Kanun Keseksaan dan dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan mulai tarikh sabitan (20 Jun 2018) dan denda RM10,000 jika tidak bayar enam bulan penjara; dan

(c) pertuduhan ketiga (pindaan) di bawah s 165 Kanun Keseksaan dan dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan mulai tarikh sabitan (20 Jun 2018) dan denda RM10,000 jika tidak bayar enam bulan penjara. Hukuman penjara bagi ketiga-tiga pertuduhan berjalan serentak.

[2] Pertuduhan ke atas perayu berbunyi seperti berikut:

Pertuduhan pertama:

Bahawa kamu, pada 3 Mac 2013 di Malayan Banking Berhad, Cawangan Kuala Terengganu, di dalam Negeri Terengganu, sebagai penjawat awam, iaitu Pengarah

Perhutanan Negeri Terengganu yang bertugas di Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah memperolehi untuk kamu, satu benda berharga tanpa balasan iaitu wang tunai RM30,000.00 melalui Akaun Malayan Banking Berhad Nombor 114011610069 milik Azhar Bin Nordin (620726-08-6323) daripada Yew Keong Fah (680710-05-5447), Kontraktor Balak kepada Syarikat Ciri Bina Machinery & Hardware Sdn Bhd yang memperolehi kelulusan membalak di Kompartment 36b dan 40a, Hutan Simpan Hulu Terengganu (T), Mukim Tersat, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu yang mana kamu mengetahui Yew Keong Fah mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan kedua (pindaan):

Bahawa kamu, pada 16 Jun 2013 di Bank Islam Malaysia Berhad, Cawangan Kuala Terengganu, di dalam Negeri Terengganu, sebagai penjawat awam, iaitu Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu yang bertugas di Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah memperolehi untuk kamu, satu benda berharga tanpa balasan iaitu wang tunai RM20,000.00 melalui Akaun Bank Islam Malaysia Berhad Nombor 02011010099209 milik Syarikat D Laman Kulturakebunan daripada Yew Keong Fah (680710-05-5447), Kontraktor Balak kepada Syarikat Ciri Bina Machinery & Hardware Sdn Bhd yang memperolehi kelulusan membalak di Kompartment 36b dan 40a, Hutan Simpan Hulu Terengganu (T), Mukim Tersat, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu yang mana kamu mengetahui Yew Keong Fah mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan ketiga (pindaan):

Bahawa kamu, pada 13 Ogos 2013 di Bank Islam Malaysia Berhad, Cawangan Kuala Terengganu, di dalam Negeri Terengganu, sebagai penjawat awam, iaitu Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu yang bertugas di Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah memperolehi untuk kamu, satu benda berharga tanpa balasan iaitu wang tunai RM10,000.00 melalui Akaun Bank Islam Malaysia Berhad Nombor 02011010099209 milik Syarikat D Laman Kulturakebunan daripada Yew Keong Fah (680710-05-5447), Kontraktor Balak kepada Syarikat Ciri Bina Machinery & Hardware Sdn Bhd yang memperolehi kelulusan membalak di Kompartment 36b dan 40a, Hutan Simpan Hulu Terengganu (T), Mukim Tersat, Daerah Hulu Terengganu, Terengganu yang mana kamu mengetahui Yew Keong Fah mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi kamu dan oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum dibawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[3] Pada 3 November 2015, satu aduan ('P46') kepada pihak SPRM telah dibuat oleh seorang pegawai SPRM bernama Salatukhhamswan bin Abdul Latif ('SP18') yang mana dalam aduan tersebut dinyatakan bahawa perayu sebagai Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu ('JPNT') telah

meminta dan menerima wang rasuah sebanyak RM60,000 daripada penama Yew Keong Fah ('SP10') sebagai balasan untuk mempermudahkan dan meluluskan lesen mengambil hasil hutan bagi KPT 40A, Hutan Simpan Hulu Terengganu.

[4] Hasil siasatan yang dijalankan oleh pegawai penyiasat SPRM iaitu Rostam bin Abu Hassan ('SP17') mendapati perayu telah mengarahkan SP10 untuk memasukkan wang sebanyak RM60,000 kepada dua akaun bank melalui tiga kali kemasukkan iaitu sebagaimana berikut:

(a) pada 3 Mac 2013 sebanyak RM30,000 ke dalam akaun Maybank milik Azhar bin Nordin ('SP13');

(b) pada 16 Jun 2013 sebanyak RM20,000 ke dalam akaun Bank Islam Malaysia Bhd milik Sykt D Laman Kulturakebunan yang diusahakan oleh Abdullah bin Sharif ('SP12'); dan

(c) pada 13 Ogos 2013 sebanyak RM10,000 ke dalam akaun Bank Islam Malaysia Bhd yang sama milik Sykt D Laman Kulturakebunan.

[5] Semasa kemasukan wang tersebut berlaku, perayu pada masa itu merupakan seorang penjawat awam yang memegang jawatan sebagai Pengarah JPNT. Manakala SP10 pula adalah merupakan pemilik tunggal kepada Sykt Karyan Khas Enterprise yang mana syarikat ini telah dilantik sebagai kontraktor pembalakan oleh syarikat yang telah diberi lesen mengambil hasil hutan pada 27 Ogos 2012 iaitu Sykt Ciri Bina Machinery & Hardware Sdn Bhd ('CBMHSB').

[6] Permohonan untuk mendapatkan lesen bagi mengeluarkan kayu balak di KPT 36B dan KPT 40A telah dimohon oleh Sykt CBMHSB melalui surat permohonan bertarikh 21 Februari 2010 ('P25') yang ditujukan kepada YAB Menteri Besar Terengganu ('MB'). Pada surat P25 tersebut, YAB MB telah menulis minit arahan di atasnya yang meminta supaya perayu mengemukakan laporan untuk kelulusan ahli Mesyuarat Lembaga Mengambil Hasil Hutan ('LMHH'). Kemudian, satu laporan ('P24') mengandungi ulasan dan syor oleh JPNT telah disediakan oleh Penolong Pengarah Perancangan dan Pengurusan Hutan iaitu Mohamad Alti Faizal bin Mohd Ali ('SP15') atas arahan perayu dan laporan tersebut telah dibawa ke dalam mesyuarat LMHH bersama YAB MB pada 18 Januari 2012. Dalam mesyuarat tersebut, Sykt CBMHSB telah diberikan kelulusan oleh LMHH untuk mengambil hasil hutan di KPT 36B dan KPT 40A sebagaimana direkodkan dalam P24 melalui aktiviti pembalakan.

[7] Seterusnya, satu surat kelulusan membalak oleh mesyuarat LMHH bertarikh 13 Februari 2012 ('P33') telah dikeluarkan kepada pihak Sykt CBMHSB. Kemudian, satu lesen mengambil hasil hutan ('P29') yang

ditandatangan oleh perayu telah dikeluarkan kepada Sykt CBMHSB bersama surat iringan ('P45') bertarikh 27 Ogos 2012 yang jelas menyatakan tempoh lesen yang diberikan ialah bermula pada 22 Ogos 2013 sehingga 21 Ogos 2014. Selepas itu, Sykt CBMHSB perlu menjelaskan bayaran premium dan mendapatkan beberapa permit bagi menjalankan proses pembalakan tersebut iaitu permit jalan (P34, P35, P37), permit tapak matau ('P36') dan permit tapak kongsi ('P38') yang ditandatangan oleh perayu sebagai pengarah JPNT.

[8] Ketika proses permohonan untuk mendapatkan lesen dan permit mengambil hasil hutan ini berlaku, perayu dikatakan telah mengetahui bahawa SP10 telah diberi kuasa oleh Sykt CBMHSB untuk menguruskan segala urusan dokumentasi bagi pihak Sykt CBMHSB berdasarkan surat kuasa P11 yang dihantar kepada perayu dan di atasnya mempunyai minit perayu sendiri. Selain itu, perayu juga dikatakan telah mengetahui bahawa SP10 adalah kontraktor pembalakan yang telah dilantik oleh Sykt CBMHSB untuk menjalankan kerja-kerja pembalakan tersebut berdasarkan lesen mengambil hasil hutan P29 itu yang dengan jelas menyatakan SP10 sebagai kontraktor lesen.

[9] Semasa perayu meminta SP10 memasukkan wang sebanyak RM60,000 ke dalam dua akaun tersebut, perayu mengetahui SP10 merupakan kontraktor pembalakan kepada Sykt CBMHSB yang mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasminya sebagai seorang pengarah JPNT pada waktu tersebut.

FAKTA KES PEMBELAAN

[10] Perayu dan SP10 telah berkawan baik sejak tahun 1994 sejak berjumpa di Rompin. Perayu adalah Pengarah JPNT dan tidak pernah memberi lesen pembalakan kepada SP10.

[11] Perayu dalam keterangannya menyatakan bahawa wang RM60,000 yang diminta daripada SP10 untuk dimasukkan ke dalam dua akaun tersebut adalah merupakan wang miliknya sendiri yang dipegang dan disimpan oleh SP10. Ini kerana perayu pernah menyerahkan wang kepada SP10 sebanyak RM65,000 untuk dipegang dan disimpan oleh SP10. Perayu menyerahkan wang RM15,000 pada bulan Oktober 2011, RM10,000 pada bulan Disember 2011, RM25,000 pada bulan April 2012 dan RM15,000 pada bulan Ogos 2012. SP10 ada memaklumkan kepada perayu bahawa SP10 menyimpan wangnya itu di dalam akaun bank peribadi milik SP10. Perkara ini juga telah diberitahu oleh perayu kepada kawannya bernama Chan Kim Men (SD2) pada tahun 2012 dan disahkan oleh SD2.

[12] Pada bulan Mac 2013, perayu telah meminta SP10 memasukkan wang milik perayu yang disimpan oleh SP10 kepada adik perayu, SP12 sebanyak

RM30,000. Kemudian pada bulan Jun 2013, perayu meminta SP10 memasukkan wang milik perayu yang disimpan oleh SP10 ke dalam akaun syarikat kawan perayu iaitu SP13 sebanyak RM20,000. Seterusnya pada bulan Ogos 2013, perayu meminta SP10 memasukkan lagi wang milik perayu yang disimpan oleh SP10 ke dalam akaun syarikat kawan perayu, SP13 sebanyak RM10,000.

[13] Perayu mendapati bahawa pelesen Ciri Bina Machinery & Hardware Sdn Bhd telah melakukan kesalahan membalak di luar kawasan dan telah mengkompaun pelesen tersebut dengan kompaun berjumlah RM1,063,781.32. Jabatan Hutan Negeri Terengganu tidak boleh mengkompaun SP10 kerana SP10 tidak mempunyai urusan rasmi dengan Pejabat Hutan. SP10 bukanlah pelesen kawasan pembalakan. SP10 hanyalah kontraktor kepada pelesen dan tidak mempunyai urusan rasmi dengan JPNT. Yang mempunyai urusan rasmi dengan JPNT adalah pelesen iaitu Sykt CBMHSB.

[14] Walaupun perayu telah mengenali SP10 sejak 1994, perayu adalah seorang pengarah yang jujur dan akan mengambil tindakan jika berlaku kesalahan walaupun kesalahan itu dilakukan oleh kawan baik perayu. Sejak 1994, perayu tidak pernah dan tidak akan meminta wang rasuah dari SP10 dan tidak pernah dan tidak akan menerima atau memperoleh wang rasuah dari SP10. Setakat pengetahuan perayu, SP10 selalu menggunakan nama perayu untuk menakut-nakutkan pekerja JPNT supaya kerjanya dapat dijalankan dengan lebih cepat.

[15] Setelah kejadian kompaun tersebut, SP10 banyak membuat fitnah terhadap perayu termasuklah mengatakan perayu meminta wang rasuah padahal wang yang diserahkan oleh SP10 kepada SP12 dan SP13 adalah wang milik perayu.

PRINSIP UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DALAM RAYUAN

[16] Prinsip asas dalam memberi pertimbangan ke atas sesuatu rayuan adalah mahkamah yang mendengar dan memberi pertimbangan ke atas sesuatu rayuan perlu berhati-hati dan sukar membuat perubahan ke atas keputusan berdasarkan fakta yang dibuat oleh mahkamah yang menjalankan perbicaraan penuh. Mahkamah di peringkat rayuan juga tidak sepatutnya mengganggu dapatan fakta hakim bicara melainkan wujudnya kesilapan yang ketara telah dilakukan oleh hakim bicara. Prinsip ini telah ditekankan dalam kes *P'ng Hun Sun v Dato' Yip Yee Foo* [2013] 6 MLJ 523; [2013] 1 LNS 320, apabila Mahkamah Rayuan menyatakan:

> When the finding of the trial judge is factual, however, the fact finder's decision cannot be disturbed on appeal unless the decision of the fact finder is plainly wrong

(see *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996] 2 MLJ 517; [1996] 3 CLJ 163); *Zaharah bt A. Kadir v. Ramuna Bauxite Pte Ltd & Anor* [2011] 1 LNS 1015, *Kyros International Sdn Bhd v Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2013] 2 MLJ 650; [2013] 1 LNS 1). The findings of fact of the trial judge can only be reversed when it is positively demonstrated to the appellate court that:

(a) by reason of some non-direction or mix-direction or otherwise the judge erred in accepting the evidence which he or she did accept; or

(b) in assessing and evaluating the evidence the judge has taken into account some mater which he or she ought not to have taken into account, or failed to take into account some matter which he or she ought to have taken into account; or

(c) it unmistakenly appears from the evidence itself, or from the unsatisfactory reasons given by the judge for accepting it, that he or she cannot have taken proper advantage of his or her having seen and heard the witnesses'; or

(d) in so far aside judge has relied on manner and demeanour, there are other circumstances which indicate that the evidence of the witnesses which he or she accepted is not credible, as for instance, where those witnesses have on some collateral matter deliberately given an untrue answer.

[17] Dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal* [2004] 3 MLJ 405; [2004] 3 CLJ 737, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan seperti berikut:

> Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any further the moment it sees that the trial judge says that is his finding of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances under which that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ Malaya) in Herchun Singh's case (supra) 'there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding. 'Otherwise, no judgment would ever be reversed on question of fact and the provision of s 87 CJA 1964 that an appeal may lie not only on a question of law but also on a question of fact or on a question of mixed fact and law would be meaningless.

[18] Berasaskan kepada prinsip undang-undang ini, adalah penting untuk saya memberi pertimbangan semula ke atas alasan-alasan keputusan yang telah dibuat oleh HMS ke atas isu-isu yang dibangkitkan oleh perayu dalam rayuan ini. Sekiranya wujud kesilapan ketara yang telah dilakukan oleh HMS sehingga boleh menyebabkan suatu ketidakadilan yang serius berlaku dalam keputusan tersebut, maka mahkamah ini adalah berkewajipan untuk mengganggu keputusan yang dibuat oleh HMS itu.

ISU YANG DIKETENGAHKAN OLEH PERAYU DALAM RAYUAN

[19] Terdapat beberapa isu telah dibangkitkan oleh pihak perayu dalam rayuannya. Walau bagaimanapun, secara ringkasnya saya menyimpulkan sebagaimana berikut:

(a) sama ada HMS terkhilaf apabila mengatakan perayu telah memperoleh suatu barangan berharga sedangkan tidak ada seorang saksi pendakwaan pun yang memberi keterangan menyatakan ada menyerahkan wang kepada perayu;

(b) wang yang dimasukkan oleh SP10 ke dalam akaun syarikat SP12 dan akaun peribadi SP13 itu adalah wang milik perayu;

(c) SP10 adalah rakan sejenayah yang tidak bercakap jujur;

(d) sama ada HMS terkhilaf apabila memutuskan wang-wang tersebut diperolehi oleh OKT adalah tanpa balasan; and

(e) sama ada anggapan di bawah s 50(3) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 ('Akta SPRM 2009') terpakai.

PENGANALISAAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[20] Peruntukan bagi pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu adalah sebagaimana berikut:

> Section 165 Public servant obtaining any valuable thing, without consideration, from person concerned in any proceeding or business transacted by such public servant.
>
> Whoever, being a public servant, accepts or obtains, or agrees to accept or attempts to obtain, for himself or for any other person, any valuable thing, without consideration, or for a consideration which he knows to be inadequate, from any person whom he knows to have been, or to be, or to be likely to be concerned in any proceeding or business transacted, or about to be transacted, by such public servant, or having any connection with the official functions of himself or of any public servant to whom he is subordinate, or from any person whom he knows to be interested in or related to the person so concerned, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to two years, or with fine, or with both.
>
> ILLUSTRATIONS
>
> (a) A, a Judge, hires a house of Z, who has a case pending before him. It is agreed that A shall pay fifty ringgit a month, the house being such that, if the bargain were made in good faith, A would be required to pay two hundred ringgit a month. A has obtained a valuable thing from Z without adequate consideration.

A (b) A, a Judge, buys of Z, who has a cause pending in A's Court, Government promissory notes at a discount, when they are selling in the market at a premium. A has obtained a valuable thing from Z without adequate consideration.

B (c) Z's brother is apprehended and taken before A, a Magistrate, on a charge of perjury. A sells to Z shares in a bank at a premium, when they are selling in the market at a discount. Z pays A for the shares accordingly. The money so obtained by A is a valuable thing obtained by him without adequate consideration.

C **[21]** Sebelum saya meneliti setiap isu yang telah dibangkitkan oleh pihak perayu sebagaimana dinyatakan di atas, perlulah terlebih dahulu saya memberi pertimbangan terhadap elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak responden di bawah s 165 Kanun Keseksaan. Sehubungan itu, saya telah merujuk kepada kes *Mohd Khir bin Toyo v Public Prosecutor* [2015] 5 MLJ
D 429; [2015] 8 CLJ 769 yang mana Mahkamah Persekutuan telah menyatakan seperti berikut:

> [34] In *Public Prosecutor v Ottavio Quattrocchi* [2003] 1 MLJ 225; [2004] 3 CLJ 553, which was affirmed by the Federal Court in *Public Prosecutor v Ottavio Quattrocchi* [2004] 3 MLJ 149; [2003] 2 CLJ 613, it was held by the High Court
E that the elements that require proof under s 165 of the Code are:
>
> (a) that the accused was a public servant at the time of the commission of the offence;
>
> (b) that he accepted or obtained or agreed to accept or attempted to obtain for
F himself or for someone else, a valuable thing;
>
> (c) which he obtained from the person described in (b); and
>
> (d) that he gave no consideration for it, or that the consideration given was known by him to be inadequate.

G **[22]** Berdasarkan kepada keputusan kes tersebut, jelas kepada saya bahawa elemen bagi kesalahan di bawah s 165 Kanun Keseksaan yang perlu dibuktikan oleh pihak responden terhadap perayu adalah seperti berikut:

H (a) perayu adalah merupakan seorang penjawat awam;

(b) memperoleh untuk dirinya atau orang lain sesuatu benda yang berharga;

(c) daripada seseorang yang perayu ketahui mempunyai hubungan dengan kerja rasminya; dan

I (d) dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi.

[23] Bagi elemen pertama, fakta bahawa semasa kejadian perayu menjawat jawatan sebagai Pengarah JPNT tidak dipertikaikan oleh pihak perayu sendiri.

Keterangan daripada kakitangan dan pegawai JPNT iaitu SP4, SP14, SP15 dan SP16 telah mengesahkan bahawa perayu adalah Pengarah JPNT pada waktu yang material dengan disokong oleh dokumen Perakuan Jawatan perayu (P41) dan Buku Rekod Perjawatan perayu (P42). Oleh yang demikian, elemen pertama telah berjaya dibuktikan.

[24] Bagi elemen kedua, ketiga dan keempat pula, ianya berhubung kait dengan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak perayu dalam penghujahannya. Oleh yang demikian, sekarang saya akan menyentuh berkenaan isu-isu yang telah dibangkitkan tersebut.

SAMA ADA HMS TERKHILAF APABILA MENGATAKAN PERAYU TELAH MEMPEROLEH SUATU BARANGAN BERHARGA SEDANGKAN TIDAK ADA SEORANG SAKSI PENDAKWAAN PUN YANG MEMBERI KETERANGAN MENYATAKAN ADA MENYERAHKAN WANG KEPADA PERAYU

[25] Peguambela perayu dalam penghujahannya telah mempertikaikan dapatan yang dibuat oleh HMS bahawa elemen kedua telah berjaya dibuktikan oleh pihak responden sedangkan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa perayu telah menerima wang tersebut daripada SP10 ataupun daripada SP12 dan SP13. Pertuduhan hanya mengatakan bahawa perayu telah memperolehi wang tersebut untuk dirinya sahaja dan bukan untuk orang lain. Namun, wang tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun bank SP12 dan SP13 oleh SP10 dan perayu tidak pernah menerima atau memperolehi wang tersebut. Oleh itu, pertuduhan tersebut dikatakan telah mengelirukan perayu kerana timbul persoalan sama ada perayu boleh dikatakan memperolehi wang tersebut untuk dirinya sedangkan perayu tidak pernah menerima wang itu dan dalam masa yang sama, perayu mendakwa wang itu adalah wang miliknya sendiri yang telah dipegang dan disimpan oleh SP10.

[26] Dalam mempertimbangkan isu ini, saya telah meneliti alasan penghakiman yang diberikan oleh HMS di ms 22 rekod rayuan Jld 1 yang mana saya perturunkan seperti berikut:

> (15) Oleh itu,apa yang menjadi perkara penting atau perkara asas di sini ialah wang-wang tersebut telah diterima oleh SP-12 dan SP-13 atas arahan OKT. Di dalam kes ini, pengadu iaitu Yew Keong Fah (SP-10) sememangnya tidak mengenali siapakah SP-12 dan SP-13 dan SP-10 juga tidak pernah berurusan dengan SP-12 dan SP-13 sebelum ini. Oleh itu,tidak ada sebab untuk SP-10 berurusan dengan SP-12 dan SP-13 berkaitan dengan kemasukan wang-wang ke dalam akaun D Laman Kulturakebunan dan juga akaun SP-13 tersebut.
>
> (16) Walau bagaimanapun,SP-12 dan SP-13 telah menikmati faedah hasil daripada kemasukan wang-wang tersebut ke dalam akaun D Laman Kulterakebunan dan juga akaun SP-13 tersebut. Oleh itu, elemen atau intipati kedua berkenaan dengan pertuduhan di bawah seksyen 165 Kanun Keseksaan ini telah berjaya dibuktikan

sepenuhnya oleh pihak pendakwaan. Tambahan juga, fakta atau isu berkenaan dengan kemasukan wang-wang ke dalam akaun D Laman Kulterakebunan dan akaun SP-13 ini tidak pernah dipertikaikan oleh pihak pembelaan.

[27] Berdasarkan alasan HMS tersebut, beliau telah memutuskan elemen kedua telah berjaya dibuktikan dengan bergantung kepada dapatan fakta bahawa wang-wang tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun syarikat milik SP12 serta akaun peribadi SP13 dan SP12 bersama SP13 telah menikmati faedah hasil daripada kemasukan wang tersebut. Namun, HMS tidak ada menyatakan bagaimana beliau boleh mencapai keputusan bahawa perayu telah memperolehi wang tersebut untuk dirinya dengan dapatan fakta sedemikian.

[28] Sebagaimana dinyatakan di atas, elemen kedua yang perlu dibuktikan ialah perayu memperoleh untuk dirinya atau orang lain sesuatu benda yang berharga. Walau bagaimanapun, didapati ketiga-tiga pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu hanya menyatakan bahawa perayu telah memperoleh untuk dirinya sesuatu benda yang berharga. Tiada pula dinyatakan dalam pertuduhan-pertuduhan itu bahawa perayu telah memperoleh harta tersebut untuk orang lain. Namun, keterangan daripada SP12, SP13 dan SP10 jelas menunjukkan bahawa wang itu hanya diterima dan digunakan oleh SP12 dan SP13 sahaja. Wang tersebut juga tidak pernah diserahkan atau diberikan kepada diri perayu oleh SP12 dan SP13 sepertimana yang dinyatakan dalam pertuduhan. Berdasarkan faktor ini, jelas pada saya bahawa terdapat kesilapan pada pertuduhan berkenaan pemerolehan wang tersebut yang dinyatakan telah diperolehi oleh perayu untuk dirinya sahaja, sedangkan keterangan yang dikemukakan menunjukkan wang itu telah diperolehi oleh orang lain dan orang lain (SP12 dan SP13) yang menikmati faedah daripada kemasukan wang tersebut.

[29] Persoalannya, adakah kesilapan pada pertuduhan tersebut masih boleh diselamatkan oleh peruntukan ss 156 dan 422 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ')? Dalam hal ini, saya merujuk kepada penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Ravindran a/l Ramasamy v Public Prosecutor* [2015] 6 MLJ 509; [2015] 3 CLJ 421 yang menyatakan seperti berikut:

> [25] Section 156 of the CPC provides:
>
> No error in stating either the offence or the particulars required to be stated in the charge, and no omission to state the offence or those particulars shall be regarded, at any stage of the case, as material unless the accused was in fact misled by that error or omission.
>
> [26] Section 422 of the CPC provides:
>
> Subject to the provisions contained in this Chapter no finding, sentence or order passed or made by a Court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account of:

(a) any error, omission or irregularity in the complaint, sanction, consent, summons, warrant, charge, judgment or other proceedings before or during trial or in any inquiry or other proceeding under this Code;

(b) the want of any sanction; or

(c) the improper admission or rejection of any evidence, unless such error, omission, irregularity, want, or improper admission or rejection of evidence has occasioned a failure of justice.

[27] Pursuant to s 156 of the CPC, 'no error in stating the offence or the particulars required to be stated in the charge, and no omission to state the offence or those particulars shall be regarded, at any stage of the case, as material unless the accused was in fact misled by that error or omission' (the Indian equivalent, s 215 of the Indian Criminal Procedure Code, ends with the words 'and it has occasioned a failure of justice'). However, in view of s 422, for an error or omission to be material, it is not enough that the accused has been misled; there must also be a failure of justice. 'Whether any court should apply s 422 aforesaid will depend, among other things, on whether the irregularity involves the breach of a principle of general importance to the administration of criminal justice. If it does, the court would not apply s 422, as this appears to us to be the same thing as the irregularity having occasioned a failure of justice' (*Yap Sing Hock & Anor v Public Prosecutor* [1992] 2 MLJ 714 at p 725 ; [1992] 4 CLJ 1950; [1992] 1 CLJ Rep 356 at p 364 per Peh Swee Chin SCJ, later FCJ, delivering the judgment of the court).

[28] *It could also be noted that the 'error' alluded to in s 156 of the CPC is the error in stating the offence or the particulars required to be stated in the charge, and not the error in stating the ingredients of an offence. That important distinction, whether an error in stating the particulars or an error in stating the ingredients, must be drawn for the purposes of ss 156 and or 422 of the CPC. This is because where it was an error or omission in stating the ingredients of an offence, it had been consistently held by the courts that the accused would have been misled and that there must have been a failure of justice. Low Seng Wah v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 107; [1961] 1 LNS 55, was the exceptional case, where Neal J held that the omission of an essential ingredient in the charge was not fatal, because of the unique provisions of s 321 of the CPC (since repealed) which provided that 'No judgment, sentence or order of Magistrate's court shall be reversed or set aside unless it is shown to the satisfaction of the court of a judge that such judgment, sentence or order was either wrong in law or against the weight of the evidence'. *Low Seng Wah v Public Prosecutor*, which was primarily decided under s 321, is no precedent on s 156 of the CPC. (Penekanan ditambah.)

[30] Berdasarkan kepada keputusan kes di atas, jelas kepada saya bahawa kesilapan atau ketinggalan kepada elemen dalam pertuduhan tidak tergolong dalam pengecualian bagi maksud s 156 KTJ kerana kesilapan pada elemen boleh menyebabkan tertuduh terkeliru dan semestinya boleh menyebabkan berlakunya kegagalan keadilan. Sebagaimana berlaku dalam kes di hadapan saya ini, kesilapan dilihat berlaku pada elemen kedua pertuduhan dan ianya dikatakan telah mengelirukan perayu. Diperhatikan juga hala tuju pembelaan

dari awal kes dibicarakan lagi telah menafikan wang tersebut diterimanya dan sepertimana yang dinyatakan oleh HMS, fakta atau isu berkenaan dengan kemasukan wang-wang tersebut ke dalam akaun Sykt D Laman Kulterakebunan milik SP12 dan akaun peribadi SP13 ini tidak pernah dipertikaikan oleh pihak pembelaan. Ini dilihat kerana pertuduhan-pertuduhan yang telah dikenakan ke atas perayu tidak menyatakan secara jelas bahawa perayu memperolehi wang tersebut untuk orang lain iaitu SP12 dan SP13. Justeru itu, jelas pada saya bahawa perayu telah terkeliru dengan elemen sebenar pertuduhan yang dikenakan ke atasnya.

[31] Berdasarkan faktor ini, saya berpendapat rayuan perayu terhadap isu ini mempunyai merit dan harus diberi pertimbangan sewajarnya oleh saya.

WANG YANG DIMASUKKAN OLEH SP10 KE DALAM AKAUN SYARIKAT SP12 DAN AKAUN PERIBADI SP13 ITU ADALAH WANG MILIK PERAYU

[32] Bagi elemen ketiga, pihak responden perlu membuktikan wang tersebut diperolehi daripada seseorang yang perayu ketahui mempunyai hubungan dengan kerja rasminya. Dalam hal ini, saya bersetuju dengan dapatan oleh HMS di ms 26 rekod rayuan Jld 1 bahawa SP10 ada mempunyai urusan rasmi dengan perayu memandangkan SP10 adalah kontraktor pembalakan bagi Sykt CBMHSB yang diberi lesen mengambil hasil hutan oleh perayu. Dokumen surat kuasa P11 dan lesen mengambil hasil hutan P29 juga dengan jelas menyatakan peranan SP10 sebagai orang yang telah diberi kuasa dan juga berperanan sebagai kontraktor pembalakan bagi Sykt CBMHSB.

[33] Seterusnya, Peguambela perayu dalam penghujahannya tidak mempertikaikan bahawa SP10 telah memasukkan wang ke dalam dua akaun tersebut atas arahan perayu. Namun, peguambela menafikan wang itu adalah milik SP10, sebaliknya wang itu adalah sebenarnya milik perayu yang dipegang dan disimpan oleh SP10. SP10 dikatakan telah bercakap tidak jujur berkenaan tujuan wang itu dimasukkan ke dalam dua akaun tersebut kerana SP10 tidak berpuas hati terhadap perayu yang telah mengenakan kompaun kepada Sykt CBMHSB yang memberikan kesan secara langsung kepada SP10.

[34] Saya telah meneliti keseluruhan keterangan SP10 dan mendapati isu yang dipertikaikan ini telah dibangkitkan sejak kes di peringkat pendakwaan lagi. Dalam keterangannya, SP10 mengesahkan bahawa perayu adalah kawan baiknya yang telah dikenali sejak tahun 1994 lagi dan perayu amat percaya kepadanya. Oleh itu semasa hubungan mereka dalam keadaan baik, perayu ada menyimpan wang padanya dan perkara ini diakui sendiri oleh SP10 sebagaimana keterangannya seperti berikut:

Pemeriksaan balas SP10 (RR Jld 2(a) ms 94)

J: Ada.

S: Masa dulu-dulu, Dato Azmi ni percaya pada kamu sebab itu dia simpan duit pada kamu?

J: Memang saya mengaku dia ada duit simpan pada saya. Masa itu dia percaya apa atas dia.

S: Kamu simpan duit dia dalam akaun apa?

J: Tak ada simpan akaun.

S: Kamu simpan dalam apa?

J: Rumah

[35] Berdasarkan pengesahan tersebut, adalah diakui oleh SP10 bahawa dia ada memegang dan menyimpan wang milik perayu. Namun, SP10 kemudiannya mengatakan telah menyerahkan semula wang tersebut kepada perayu pada bulan November 2012 tanpa menunjukkan kepada mahkamah apa-apa bukti penyerahan wang itu sedangkan dalam masa yang sama, SP10 menghadapi liabiliti untuk membayar kompaun yang telah dikeluarkan oleh perayu ke atas Sykt CBMHSB dan terdapat kemungkinan SP10 ingin menganiaya perayu kerana mempunyai motif sebagaimana yang ditegaskan oleh pihak peguambela perayu dalam penghujahannya.

[36] Dalam hal ini, saya perhatikan borang aduan kepada SPRM iaitu dokumen P46 dibuat pada 3 November 2015 iaitu beberapa bulan selepas kompaun dikeluarkan terhadap Sykt CBMHSB pada 14 Januari 2015 berjumlah RM1,063,781.32 yang mana tanggungjawab membayarnya adalah di pihak SP10 sebagai kontraktor pembalakan kepada Sykt CBMHSB menurut kontrak perjanjian antara mereka sebagaimana P28. Oleh itu, jelas kepada saya bahawa aduan dibuat kepada pihak SPRM selepas kompaun itu telah dikeluarkan oleh perayu terhadap Sykt CBMHSB dan SP10. Jelas juga kepada saya bahawa SP10 mempunyai motif untuk mengenakan perayu dan perkara berkenaan motif ditimbulkan sejak di peringkat kes pendakwaan lagi. Oleh itu, beban terletak kepada pihak responden untuk menidakkan kewujudan motif ini. Saya merujuk kes *Fauzan Rambli lwn Public Prosecutor* [2014] 1 LNS 1372 yang mana Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

[33] Hakim bicara juga telah menimbangkan pembelaan perayu bahawa beliau telah dianiayai oleh pihak polis. Pembelaan yang sepenting ini harus ditimbulkan diperingkat pendakwaan.

[34] Beban adalah di atas perayu untuk membuktikan kepada mahkamah bahawa dirinya dianiaya. Diputuskan di dalam kes *Gan Too Cheh v Public Prosecutor* [2006] 2 SLR 220 di ms 229 bahawa:

Since the defence did not adduce sufficient evidence of Ponirah's alleged motive

A to frame the appellant, it was unnecessary for the prosecution to prove a lack of motive in the present case ...

Where the accused can show that the complainant has a motive to false implicate him, then the burden must fall on the prosecution to disprove that motive. This does not mean that the accused merely needs to allege that the complainant had a motive to falsely implicate him. Instead, the accused must adduce sufficient evidence of this motive so as to raise reasonable doubt in the prosecution's case. Only then would the burden of proof shift to the prosecution to prove that there was no such motive.

C **[37]** Dalam kes ini, keterangan terhadap perayu bergantung sepenuhnya kepada keterangan SP10. Hanya SP10 yang tahu apakah tujuan sebenar wang itu dimasukkan ke dalam kedua-dua akaun tersebut. Namun, SP10 memberikan keterangan yang berbolak balik berkenaannya. Pada awalnya D semasa di peringkat pemeriksaan utama, SP10 mengatakan beliau tidak tahu berkenaan tujuan wang tersebut dimasukkan kerana beliau tidak pernah bertanya. Kemudian SP10 mengatakan pula wang itu dimasukkan atas arahan perayu kerana jika arahan itu tidak diikuti, kerja-kerjanya seperti urusan proses lesen dan sebagainya akan terganggu (ms 8 rekod rayuan tambahan). E Seterusnya semasa disoal balas oleh pihak pembelaan, SP10 mengakui pula bahawa beliau tidak tahu sebab apa wang itu diminta dimasukkan ke dalam akaun tersebut kerana hanya mengikut arahan perayu (ms 96 rekod rayuan Jld 2(a)). Namun kemudiannya semasa di pemeriksaan semula SP10 mengatakan pula duit itu sebenarnya duit rasuah untuk kemudahan kerja di pejabat hutan F (ms 105 rekod rayuan Jld 2(a)).

[38] Dalam hal ini, selain faktor SP10 tidak dapat memberikan penjelasan secara konsisten berkenaan tujuan wang itu dimasukkan, timbul juga persoalan bagaimana SP10 mengatakan wang tersebut yang dimasukkan pada G 3 Mac 2013, 16 Jun 2013 dan 13 Ogos 2013 adalah untuk tujuan memproses lesen atau supaya urusan proses lesennya tidak terganggu sedangkan lesen mengambil hasil hutan (P29) beserta surat iringan (P45) telah pun dikeluarkan lebih awal iaitu pada 27 Ogos 2012 sebelum kejadian wang itu dimasukkan ke dalam dua akaun tersebut. Berdasarkan fakta ini, adalah tidak benar dan tidak H munasabah wang tersebut dimasukkan untuk tujuan memproses lesen sebagaimana didakwa oleh SP10 disebabkan SP10 telah pun mendapat lesen untuk pembalakan iaitu P29 tersebut sebelum wang itu dimasukkan ke dalam kedua-dua akaun tersebut.

I **[39]** Berdasarkan faktor di atas, saya berpendapat keterangan SP10 ini perlu dinilai secara berhati-hati kerana terdapat kemungkinan SP10 mempunyai niat 'mala fide' terhadap perayu kerana SP10 mempunyai motif untuk menganiaya perayu atas tindakan perayu yang telah mengeluarkan kompaun dengan nilai yang tinggi terhadapnya dan Sykt CBMHSB. Sehubungan itu,

saya telah meneliti keseluruhan rekod rayuan dan mendapati wujud beberapa percanggahan serta keterangan yang meragukan oleh SP10 sebagaimana berikut: A

(a) apabila disoal balas oleh peguambela perayu, SP10 mengakui ada kes sivil melibatkan dirinya dengan Sykt Asrama Raya dan perayu. SP10 mengatakan dia tidak ada dikenakan syarat untuk meminta maaf dengan pihak-pihak dalam kes tersebut (rujuk ms 93 rekod rayuan Jld 2(a)). Namun, berdasarkan dokumen Penghakiman Persetujuan D53 yang telah dikemukakan di peringkat pembelaan, jelas menunjukkan SP10 telah meminta maaf kerana memfitnah dan menuduh pihak-pihak serta membayar ganti rugi kos sebanyak RM30,000 sebagaimana dinyatakan dalam pernyataan kemaafan D54. Dokumen-dokumen ini mengesahkan SP10 tidak bercakap benar semasa memberikan keterangan berkenaannya dan juga mengesahkan bahawa SP10 ada bermotifkan dendam pada SP10 dan rakannya iaitu Chan Kim Men (SD2) (rujuk keterangan SD2); B C D

(b) SP10 dalam keterangannya mengatakan bahawa wang dalam akaun Sykt Karyan Enterprise yang digunakan untuk dimasukkan ke dalam akaun SP12 dan SP13 adalah wang syarikat sahaja dan wang itu bukan wang peribadinya yang ada kaitan dengan wang perayu (rujuk ms 97 rekod rayuan Jld 2(a)). Namun berdasarkan keterangan kerani akaun syarikat tersebut bernama Nor Shahirah bt Shafie (SP2), wang dalam akaun bank syarikat tersebut digunakan secara bercampur iaitu sebagai akaun perniagaan dan akaun peribadi. SP10 mencampurkan wang peribadinya dan wang syarikat dalam akaun syarikat tersebut (rujuk ms 22 rekod rayuan Jld 2(a)). Tindakan SP10 yang dilihat cuba menyembunyikan fakta bahawa terdapat wang lain (wang peribadi) selain daripada wang syarikat di dalam akaun syarikatnya itu juga menimbulkan persoalan tentang mengapa dia cuba bertindak sedemikian dan seterusnya mendatangkan keraguan kepada keterangannya; dan E F G

(c) SP10 mengakui bahawa perayu telah membantunya menghubungi pihak SPRM pada 19 September 2014 selepas SP10 mengadu berkenaan perbuatan seorang renjer hutan bernama Mat Lazin yang meminta rasuah daripadanya. Dalam memberikan bantuan kepada SP10, perayu telah menghubungi sendiri pegawai SPRM bernama Nor Rahim bin Abdul Rahman dan memperkenalkannya kepada SP10. Dalam hal ini, tindakan perayu dilihat menunjukkan tindakan seperti orang yang tidak bersalah. Adalah tidak munasabah jika benar perayu telah menerima wang rasuah daripada SP10, perayu memperkenalkannya pula kepada pegawai SPRM yang mungkin boleh mendatangkan masalah kepada perayu apabila perbuatan rasuahnya itu diketahui oleh pegawai SPRM tersebut. H I

[40] Berdasarkan pengamatan saya terhadap perkara-perkata di atas, saya mendapati SP10 bukanlah seorang saksi yang kredibel memandangkan keterangannya yang meragukan dan wujud motif yang jelas ditimbulkan sejak di awal kes pendakwaan lagi oleh pihak pembelaan iaitu SP10 tidak berpuas hati apabila dikenakan kompaun yang berjumlah RM1,063,781.32. Kronologi kes jelas menunjukkan aduan terhadap SPRM dibuat hanya selepas kompaun itu dikeluarkan oleh perayu sedangkan sebelum kompaun itu dikeluarkan, hubungan SP10 dan perayu adalah baik dan perayu terlibat menolong SP10 mendapatkan bantuan pegawai SPRM apabila SP10 mengadu berkenaan perbuatan Mat Lazin ke atasnya. Dalam tempoh diperkenalkan kepada pegawai SPRM tersebut sehingga kompaun dikeluarkan, tiada pula aduan dibuat berkenaan perayu kepada pihak SPRM oleh SP10 jika benar perayu menerima rasuah pada tahun 2013. Namun, perkara ini tidak diberikan pertimbangan sewajarnya oleh HMS dalam alasan penghakimannya dan perkara berkenaan motif ini tidak dapat dinafikan oleh pihak responden. Terdapat kemungkinan yang besar wang yang telah dimasukkan itu adalah sememangnya wang milik perayu dan bukanlah wang rasuah sebagaimana diceritakan oleh SP10 mengambil kira keseluruhan kronologi kejadian kes ini dan kredibiliti SP10 yang dilihat cenderung untuk memberikan keterangan secara berbolak balik dan tidak benar itu. Dalam hal ini, saya merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Mohd Bandar Shah bin Nordin & Anor* [2008] 4 MLJ 556; [2008] 4 CLJ 859 yang mana Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> [6] We now turn to the argument directed at the credibility of PW3. Learned counsel for the respondents in a very carefully formulated and formidable argument has submitted that whatever may be the learned judge's finding on PW3's credit this court should in accordance with settled principle not interfere with the trial judge's conclusion that the witness was not credible. *In approaching issues of credibility it is always necessary to bear in mind the tests that a trier of fact should ordinarily apply when evaluating oral evidence. One of the tests is motive. The presence or absence of motive on the part of a witness is a relevant consideration which a trial court should take into account. See, Tengku Mahmood v Public Prosecutor* [1974] 1 MLJ 110; [1974] 1 LNS 176. *Another relevant consideration are probabilities of the case. If a witness' evidence is improbable, this would be a good reason for rejecting his evidence or according it very little weight. By the same token, where the evidence of a witness accords with the probabilities of the case, it would be a serious misdirection on the part of the trial court to give it little or no weight on grounds of credibility. When there is a conflict of evidence in or between the testimony of witnesses, it is the duty of the trier of fact to warn himself of the danger of acting upon the evidence of a given witness.* Contradictions within and between the evidence of witnesses there are always bound to be. But that is not a good reason by itself to hold the evidence of a witness to be lacking in credibility. See, *Public Prosecutor v. Dato' Harun bin Haji Idris* [1977] 1 MLJ 14. (Penekanan ditambah.)

[41] Mengambil kira faktor-faktor dan kes yang dirujuk di atas, maka sewajarnya keterangan SP10 dinilai semula oleh mahkamah ini dan seterusnya

ditolak memandangkan wujudnya keraguan dalam keterangannya serta wujud motif yang kuat untuk SP10 menganiaya perayu akibat tidak berpuas hati terhadap perayu sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh pihak perayu sejak awal lagi di peringkat kes pendakwaan. Tambahan pula, terdapat beberapa percanggahan dan kenyataan yang tidak benar atau tidak munasabah dilihat telah diberikan dalam keterangan SP10. Justeru itu, saya berpendapat adanya merit dalam isu kedua dan ketiga yang telah dibangkitkan oleh peguambela perayu dalam rayuan ini sekaligus menunjukkan elemen ketiga bagi pertuduhan-pertuduhan ke atas perayu telah gagal dibuktikan.

SAMA ADA HMS TERKHILAF APABILA MEMUTUSKAN WANG-WANG TERSEBUT DIPEROLEHI OLEH PERAYU ADALAH TANPA BALASAN

[42] Sebagaimana dinyatakan di atas berkenaan elemen-elemen di bawah s 165 Kanun Keseksaan, elemen keempat yang perlu dibuktikan ialah penerimaan harta dengan tiada balasan atau dengan suatu balasan yang ia ketahui tidak mencukupi. Melihat kepada ketiga-tiga pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu pula didapati hanya menyatakan perayu memperoleh untuk dirinya satu benda berharga tanpa balasan.

[43] HMS dalam penghakimannya membuat dapatan bahawa elemen keempat ini telah berjaya dibuktikan dengan menyatakan seperti berikut:

> Wang-Wang Itu Diperolehi Oleh OKT Tanpa Balasan
>
> (17) Di dalam kes ini, mahkamah mendapati bahawa OKT telah menerima keseluruhan wang sebanyak RM60,000 tersebut daripada SP10 tanpa sebarang balasan. Begitu juga, mahkamah mendapati bahawa tiada keterangan yang menunjukkan SP10 mendapat apa-apa manfaat yang berharga hasil daripada pemberian wang tersebut kepada OKT melalui akaun D Laman Kulturakebunan dan juga akaun SP13.
>
> (18) Di dalam keterangan SP10 ms, SP10 mengesahkan bahawa beliau tidak ada bertanya kepada OKT untuk apakah atau sebab apakah duit tersebut dimasukkan ke dalam akaun Sykt D Laman Kulturakebunan dan juga akaun SP13. Ini adalah kerana menurut SP10, jika sekiranya beliau bertanya kepada OKT pun, tidak semestinya OKT akan memberikan jawapan.
>
> (19) SP10 juga mengatakan bahawa beliau menganggap itu adalah merupakan suatu arahan daripada OKT di mana jika sekiranya beliau tidak mahu memasukkan wang tersebut ke dalam akaun-akaun tersebut, tidak mahu ikut arahan daripada OKT, maka kerja-kerja beliau termasuk permohonan beliau melalui Sykt Ciri Bina Machinary & Hardware Sdn Bhd untuk mendapatkan lesen kawasan pembalakan tersebut akan terganggu daripada segi kelulusannya.
>
> (20) Walaupun tiada keterangan yang jelas untuk menunjukkan apakah motif atau apakah tujuan sebenar wang yang berjumlah RM60,000 tersebut diperolehi oleh OKT daripada SP10, namun demikian ianya bukanlah suatu isu material bagi maksud pertuduhan-pertuduhan di bawah s 165 Kanun Keseksaan ini. Apa yang

perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ms hanyalah OKT telah memperolehi satu barangan berharga yang mana barangan tersebut diperolehi daripada seseorang yang mempunyai hubungan dengan tugasan rasmi OKT.

[44] Berdasarkan alasan penghakiman HMS tersebut, diperhatikan dapatan HMS sendiri tidak mencerminkan apa yang ada dalam keterangan SP10. HMS dalam penghakimannya menerima keterangan SP10 yang mengatakan bahawa telah memasukkan wang tersebut ke dalam akaun-akaun yang terlibat kerana mengikut arahan perayu yang mana sekiranya arahan tersebut tidak diikut, kerja-kerja SP10 termasuk permohonan untuk mendapatkan lesen kawasan pembalakan akan terganggu dari segi kelulusan. Daripada keterangan SP10 ini, jelas SP10 ingin menunjukkan ms bahawa adanya balasan bagi kemasukan wang tersebut iaitu untuk memastikan permohonan lesennya tidak terganggu oleh perayu. Namun, HMS membuat dapatan sebaliknya pula dengan mengatakan keterangan SP10 menunjukkan SP10 tidak menerima sebarang balasan.

[45] Saya juga merujuk kepada aduan yang dibuat SP18 sebagaimana borang aduan P46 yang jelas mengatakan sebagaimana berikut:

> Dalam tahun 2013, Dato' Azmi bin Nordin, Pengarah Pejabat Hutan Negeri Terengganu telah meminta dan menerima wang rasuah sebanyak RM60,000.00 daripada En Yew Keong Fah, kontraktor balak sebagai balasan untuk mempermudahkan dan meluluskan Lesen Mengambil Hasil Hutan Simpan Hulu Terengganu. Aduan dibuat untuk menjalankan siasatan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

[46] Diperhatikan aduan P46 juga mengatakan wujudnya balasan bagi kemasukan wang tersebut iaitu untuk mempermudahkan dan meluluskan Lesen Mengambil Hasil Hutan Simpan Hulu Terengganu

[47] Namun, sebagaimana dibincangkan sebelum ini di atas, adalah tidak munasabah wang tersebut dimasukkan untuk tujuan memproses lesen atau supaya perayu tidak mengganggu proses mendapatkan lesen sebagaimana didakwa oleh SP10 dan aduan P46 sedangkan lesen untuk pembalakan (Lesen Mengambil Hasil Hutan) iaitu P29 tersebut telah dikeluarkan lebih awal sejak tahun 2012 lagi iaitu sebelum wang itu dimasukkan ke dalam kedua-dua akaun tersebut pada tahun 2013. Perkara ini telah gagal dipertimbangkan dan diteliti sebaiknya oleh HMS.

[48] Oleh yang demikian, saya melihat terlalu banyak kelompangan yang terdapat dalam kes ini melibatkan elemen keempat yang mana pertuduhan menyatakan tiada balasan manakala keterangan SP10 dan keterangan dokumetasi P46 pula dengan jelas menunjukkan kononnya ada balasan terhadap kemasukan wang tersebut namun balasan yang cuba ditunjukkan

oleh saksi-saksi adalah tidak munasabah dan meragukan. Dengan adanya faktor balasan yang tidak munasabah tersebut, adakah selamat untuk mengatakan pula perayu memperolehi wang tersebut dengan tanpa balasan sebagaimana dinyatakan dalam ketiga-tiga pertuduhan ke atas perayu? Dalam masa yang sama perayu juga tidak memperoleh wang tersebut untuk dirinya dan hanya SP12 serta SP13 yang menerima dan mendapat faedah daripada wang tersebut. Malah, kredibiliti SP10 juga dilihat meragukan yang memberi kemungkinan bahawa dia bercakap tidak benar dengan mengatakan wang yang dimasukkan itu adalah wang rasuah sedangkan wang tersebut adalah wang milik perayu sebagaimana yang ditegaskan oleh pihak perayu.

[49] Atas faktor-faktor di atas dan persoalan-persoalan yang timbul berkenaannya, maka saya berpendapat elemen keempat ini juga telah gagal dibuktikan oleh pihak responden.

SAMA ADA ANGGAPAN DI BAWAH S 50(3) AKTA SPRM 2009 TERPAKAI

[50] Peguambela perayu dalam penghujahannya menegaskan bahawa anggapan tersebut tidak terpakai memandangkan pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu adalah perbuatan 'memperolehi' dan bukanlah atas perbuatan menyetuju terima atau perbuatan cuba untuk memperoleh sebagaimana yang diperuntukan di bawah s 50(3) Akta SPRM 2009.

[51] Dalam hal ini, tiada keperluan lagi bagi saya untuk menyentuh berkenaan pemakaian anggapan di bawah s 50(3) Akta SPRM 2009 ini memandangkan ianya tidak lagi relevan apabila elemen-elemen penting dalam pertuduhan di bawah s 165 Kanun Keseksaan telah tidak dapat dibuktikan dengan sepenuhnya sebagaimana dibincangkan di atas. Oleh yang demikian, saya bersetuju bahawa anggapan tersebut tidak terpakai dalam kes ini.

KESIMPULAN

[52] Secara keseluruhannya, apa yang boleh saya rumuskan adalah HMS telah gagal untuk menilai kredibiliti SP10 dalam alasan penghakimannya dengan mengambil kira motif yang telah dibangkitkan oleh pihak perayu sedari awal kes pendakwaan lagi dan juga keraguan yang wujud dalam keterangan SP10 berupa percanggahan, kenyataan tidak benar dan tidak munasabah sebagaimana yang dibincangkan di atas. Saya berpendapat dengan adanya motif dan keraguan pada keterangan SP10 tersebut yang merupakan saksi utama yang menjadi teras kepada kes pendakwaan, maka dengan sendirinya sabitan ke atas perayu tidak dapat dipertahankan. Ditambah lagi dengan adanya dua versi berkenaan wang yang dimasukkan tersebut sama ada wang itu adalah milik SP10 sebagaimana dakwaan SP10 atau wang itu milik

perayu sebagaimana diceritakan oleh pihak perayu dengan diakui oleh SP10 akan kewujudannya, maka versi yang lebih memihak kepada perayu sewajarnya diambil kira oleh mahkamah ini (rujuk kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457).

[53] Berlandaskan kepada pemerhatian dan dapatan-dapatan saya di atas, saya berpendapat rayuan perayu adalah bermerit. Oleh itu, rayuan ini dibenarkan dan sabitan serta hukuman yang diperintahkan oleh HMS diketepikan. Perayu dengan ini dilepaskan dan dibebaskan daripada ketiga-tiga pertuduhan.

Rayuan dibenarkan, sabitan dan hukuman diketepikan; dan perayu dilepaskan dan dibebaskan.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali